



Rujukan Kami : JKWPKL (F) 600 -3/1/2 (13)

Tarikh : 24 Mei 2018

**PEMEGANG LESEN RACUN JENIS A
(RUNCIT / RUNCIT & BORONG)**

Tuan/Puan,

**KEPERLUAN PEMAKAIAN LOGO FARMASI KOMUNITI DI PREMIS FARMASI
KOMUNITI**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menetapkan semua farmasi komuniti di Malaysia untuk memaparkan Logo Farmasi Komuniti di premis masing-masing. Arahan berkenaan adalah bertujuan dengan adanya keseragaman logo di setiap farmasi komuniti, akan wujud satu identiti pengenalan farmasi komuniti kepada orang awam dan seterusnya peningkatan dalam menjadikan farmasi komuniti sebagai salah satu pusat mendapatkan perkhidmatan profesional ubat-ubatan.

3. Sehubungan dengan itu, jabatan ini ingin memaklumkan bahawa tuan/puan perlu memastikan arahan ini dipatuhi. Spesifikasi bagi logo tersebut adalah seperti berikut:

Saiz : Sekurang-kurangnya 1 kaki x 1 kaki

Lokasi : Pada papan tanda premis farmasi atau di kawasan di mana papan tanda diletakkan.

Oleh yang demikian, semua farmasi komuniti diwajibkan untuk mematuhi arahan untuk memaparkan Logo Farmasi Komuniti di premis farmasi masing-masing **berkuatkuasa 1 Januari 2019**.

4. Untuk memastikan arahan ini dipatuhi, tuan/puan dikehendaki untuk **sertakan gambar papan tanda premis yang memaparkan Logo Farmasi Komuniti bersama permohonan pembaharuan lesen racun tahun 2019**. Perhatian dan kerjasama tuan/puan dalam pematuhan arahan ini amat dihargai.

5. Bersama-sama ini juga dilampirkan Logo Farmasi Komuniti untuk rujukan tuan/puan. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Puan Umadevi Mariapan melalui e-mel umadevi@moh.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(SYED FADZLI BIN SYED SAILUDDIN) *dy*

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

UMA/-



PHARMACY

COLOR CODE

RGB

CMYK

HEXCODE



R95,G180,B70

C67,M4,Y100,K0

#5eb446



R10,G30,B60

C98,M86,Y45,K55

#0b1e3c



R180,G35,B35

C21,M98,Y100,K12

#b42525